

DATE: 17 / 1 / 2008

Dr. Mahathir beri keterangan hari ini

UM - 17/1/2008

KUALA LUMPUR 16 Jan. -
Bekas Perdana Menteri, Tun
Dr. Mahathir Mohamad
(gambar) akan memberi ket-
erangan bagi membantu Su-
ruhanjaya Siasatan Diraja



untuk menentukan kesahihan ra-
kaman klip video peguam Datuk V.
K. Lingam esok.

Pengesahan kehadiran Dr. Ma-
hathir diperoleh daripada pegawai
pengendali suruhanjaya, Datuk Az-
mi Ariffin yang ditemui selepas pro-
siding suruhanjaya hari ini.

Dr. Mahathir dijadualkan mem-
beri keterangan petang ini tetapi
beliau tidak hadir selepas dimak-
lumkan bahawa suruhanjaya masih
belum selesai mendengar ketera-
ngan bekas Ketua Setiausaha Nega-
ra, Tan Sri Samsudin Osman yang
disambung pada sesi petang.

Malah, kata Azmi, Dr. Mahathir
sebenarnya sudah pun dalam perja-
lanan ke Kompleks Mahkamah
Kuala Lumpur di Jalan Duta di sini
ketika menerima makluman itu.

"Beliau akan menjadi saksi perta-
ma pada sesi pagi esok," katanya
kepada pemberita.

Selain Dr. Mahathir, dua lagi sak-
si yang disenaraikan memberi ket-
erangan esok ialah bekas Ketua
Hakim Negara, Tun Mohd. Eusoff
Chin dan Menteri Pelancongan,
Datuk Seri Tengku Adnan Tengku
Mansor.